

STAMP DUTY PAID



Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Head Office

Level 9, Wisma Tune, No. 19, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

T 1800 88 5753 **F** 603-2094 1366 **W** tuneprotect.com

SST Registration No.: W10-1808-31039805

Insurans Polisi PA Pekerja Asing

Ini adalah polisi PA Pekerja Asing **Anda**. Sila baca dengan teliti dan sekiranya **Anda** mendapati maklumat yang terdapat di sini adalah tidak benar, sila kembalikan kepada **Kami** dengan segera untuk pembedahan.

Polisi **Anda** terdiri daripada dokumen ini, Jadual Polisi dan sebarang pengesahan. Mereka harus dibaca sebagai satu dokumen dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang mempunyai makna tertentu hendaklah mempunyai makna yang sama di mana ianya mungkin muncul di dalam Polisi ini.

Cadangan bertulis dan perisytiharan yang dikemukakan oleh Anda hendaklah membentuk kontrak insurans ini. Syarat-syarat yang terdapat dalam Polisi ini atau mana-mana pengesahan adalah sebahagian daripada kontrak ini dan mesti dipatuhi oleh **Anda** dan / atau **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum **Kami** membayar tuntutan.





Perjanjian Kami

PERNYATAAN Menurut kepada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

'Kontrak insurans pengguna' adalah kontrak insurans yang dimasuki, diubah atau diperbaharui oleh individu sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda.

Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Polisi ini dikeluarkan mengikut pertimbangan pembayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** di antara masa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon insurans ini) dan masa kontrak ini dimasuki. Jawapan dan pendedahan lain yang diberikan oleh **Anda** hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan **Anda** atau dalam pendedahan lain yang diberikan oleh **Anda**, pemulihan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunapakaikan.

Sekiranya **Anda** dikehendaki oleh **Kami** untuk menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum ini oleh **Anda** kepada **Kami**, berhubung dengan Polisi ini sebelum Polisi ini diperbaharui atau diubah, adalah menjadi Kewajipan anda untuk tidak membuat salah nyata apabila menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah didedahkan sebelum ini.

Anda perlu memaklumkan kepada **Kami** tentang sebarang perubahan terhadap maklumat yang diberikan kepada **Kami** dalam jawapan **Anda** atau berkenaan dengan apa-apa perkara yang sebelum ini telah didedahkan kepada **Kami** berhubung dengan Polisi ini sekiranya perubahan tersebut berlaku selepas **Anda** mengemukakan permohonan untuk pembaharuan atau variasi dan ia hendaklah dimaklumkan sebelum Polisi ini diperbaharui atau diubah.

Polisi ini mencerminkan terma dan syarat kontrak insurans yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami**.

DEFINISI

Definisi berikut akan digunapakai:

"**Kemalangan**" bermaksud peristiwa luaran yang berlaku secara tiba-tiba, yang tidak dirancang dan tidak dijangka semasa dalam tempoh insurans.

"**Kematian Akibat Kemalangan**" bermaksud sebarang kematian yang disebabkan oleh **Kemalangan** dan bukan dari punca semula jadi.



"**Hospital**" bermaksud suatu pertubuhan yang ditubuhkan secara sah dan didaftarkan sebagai **Hospital** untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera, dan yang:

- (a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
- (b) menyediakan khidmat jagaan harian selama 24 jam oleh jururawat berijazah dan berdaftar;
- (c) berada di bawah penyeliaan satu atau lebih **Doktor**; dan
- (d) bukan terutamanya sebuah klinik, atau tempat penjagaan untuk pemabuk atau penagih dadah, atau pusat jagaan, tempat rehat atau pemulihan atau rumah jagaan orang tua atau yang serupa dengannya.

"**Kecederaan**" bermaksud kecederaan tubuh yang disebabkan secara langsung dan semata-mata oleh **Kemalangan**.

"**Orang yang Diinsuranskan**" bermaksud **Anda** atau orang yang dinamakan sebagai **Orang Yang Diinsuranskan** dalam Jadual Polisi.

"**Perbelanjaan Perubatan**" bermaksud perbelanjaan yang dibayar oleh **Orang yang Diinsuranskan** kepada **Pengamal Perubatan**, klinik perubatan, jururawat, **Hospital** dan / atau perkhidmatan ambulans untuk rawatan perubatan, laporan perubatan, pembedahan, X-ray, **Hospital** atau rawatan kejururawatan termasuk kos bekalan perubatan, sewa ambulans, kos **Rawatan Pergigian** dan fisioterapi akibat kemalangan. Semua rawatan termasuk rawatan pakar mesti dipreskripsikan atau dirujuk oleh **Pengamal Perubatan, Pakar Bedah** atau **Pakar Perubatan** supaya perbelanjaan akan dibayar balik.

"**Kehilangupayaan Kekal**" bermaksud **Kecederaan** yang:

- (a) tersenarai dalam mana-mana kecederaan yang terdapat di bawah Manfaat 2 dalam Jadual Peratusan Manfaat Boleh Dibayar; dan
- (b) jika berkenaan, telah berlanjutan selama 365 hari dari tarikh **Kemalangan** dan tidak menunjukkan sebarang pemulihan pada akhir tempoh tersebut.

"**Tempoh Insurans**" bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Sijil Insurans, selama 24 jam dan semasa **Orang Yang Diinsuranskan** berada dalam pekerjaan atau sehingga tamat permit pekerjaan yang mana lebih awal tetapi tidak termasuk tempoh apabila **Orang Yang Diinsuranskan** kembali ke negara asalnya. Perlindungan tamat dari masa beliau meninggalkan Malaysia dan akan disambung semula apabila beliau kembali ke Malaysia.

Had liputan kawasan polisi ini adalah di dalam Malaysia sahaja.

"**Kami/Syarikat**" bermaksud TUNE INSURANCE MALAYSIA BERHAD.

"**Anda/Pemegang Polisi/Orang yang Diinsuranskan**" bermaksud orang yang dinamakan sebagai majikan di dalam Sijil Insurans.



KELAYAKAN

Mereka yang layak bagi perlindungan di bawah polisi ini adalah pekerja asing sepenuh masa yang bekerja dengan **Pemegang Polisi** pada masa sekarang dan akan datang, yang terlibat secara aktif dalam pekerjaan mereka.

- (i) Mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** mesti berumur di antara 18 hingga 65 tahun pada tarikh kemasukannya dalam polisi ini dan dia haruslah bebas daripada kecacatan fizikal.

JADUAL MANFAAT

No.	Manfaat	Jumlah yang Diinsuranskan (RM)
1	Kematian akibat Kemalangan	30,000.00
2	Kehilangupayaan Kekal	30,000.00
3	Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan (had agregat bagi setiap pekerja)	Sehingga 1,500.00
4	Perbelanjaan Penghantaran Balik	Sehingga 5,000.00
5	Kerugian Levi akibat kehilangan pekerja (Manfaat Pilihan)	Sehingga 2,500.00

JADUAL MANFAAT

Manfaat	Manfaat yang Dibayar kepada Seseorang bagi Setiap Kemalangan	Peratusan Jumlah Diinsuranskan Berbayar
2.00	Kematian akibat kemalangan	100%
2.01	Kehilangan dua anggota badan	100%
2.02	Kehilangan kedua belah tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
2.03	Kehilangan penglihatan secara keseluruhan pada kedua belah mata	100%
2.04	Lumpuh secara keseluruhan	100%
2.05	Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit secara kekal	100%
2.06	Lain-lain kecederaan yang menyebabkan kehilanganupayaan kekal	100%
2.07	Kehilangan lengan di bahu	100%
2.08	Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%
2.09	Kehilangan lengan di siku	100%
2.10	Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
2.11	Kehilangan tangan di pergelangan tangan	100%



2.12	Kehilangan kaki di pinggul	100%
2.13	Kehilangan kaki di antara lutut dan pinggul	100%
2.14	Kehilangan kaki di bawah lutut	100%
2.15	Kehilangan keseluruhan mata	100%
2.16	Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	100%
2.17	Kehilangan penglihatan pada, kecuali persepsi cahaya	50%
2.18	Kehilangan kanta pada sebelah mata	50%
2.19	Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
2.20	Kehilangan empat jari	40%
2.21	Kehilangan ibu jari - Kedua-dua ruas - Satu ruas	25% 10%
2.22	Kehilangan jari telunjuk - Tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	10% 8% 4%
2.23	Kehilangan jari tengah - Tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	6% 4% 2%
2.24	Kehilangan jari cincin - Tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	5% 4% 2%
2.25	Kehilangan jari kecil - Tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	4% 3% 2%
2.26	Kehilangan metakarpus - Pertama atau kedua (tambahan) - Ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3% 2%
2.27	Kehilangan jari kaki - Semua - Ibu jari kaki, kedua-dua ruas - Ibu jari kaki, satu ruas - Selain dari ibu jari kaki, jika lebih daripada satu, setiap satu	15% 5% 2% 1%
2.28	Kehilangan pendengaran pada - Kedua-dua telinga - Satu telinga	75% 15%
2.29	Kehilangan keupayaan pertuturan	50%

Nota:

1. Sekiranya terdapat kecacatan yang tidak dispesifikasikan dalam Manfaat di atas, **Kami** mempunyai hak untuk membuat pertimbangan sepenuhnya dalam menentukan peratusan pampasan yang akan dibayar.

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



PENERANGAN MANFAAT

MANFAAT 1 – KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kematian berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kecederaan tubuh akibat kemalangan.

MANFAAT 2 – KEHILANGUPAYAAN KEKAL

Kehilangupayaan Kekal berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kecederaan tubuh akibat kemalangan. Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan adalah seperti yang dinyatakan dalam skala di bawah Skala Manfaat.

MANFAAT 3 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN

Bayaran balik Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan adalah pada perbelanjaan perubatan, hospital atau pembedahan yang sebenar, perlu dan munasabah yang ditanggung ketika rawatan kecederaan akibat kemalangan, dengan syarat rawatan tersebut diterima daripada seorang pengamal perubatan yang berkelayakan atau semasa ditempatkan di hospital/klinik kerajaan atau hospital/klinik swasta berlesen.

Sekiranya rawatan diterima dari hospital/klinik swasta, manfaat yang diberikan di bawah seksyen ini akan dihadkan kepada RM 80 untuk setiap kemalangan.

MANFAAT 4 – PERBELANJAAN PENGHANTARAN BALIK

Kami akan membayar semula jumlah perbelanjaan penghantaran balik sebenar yang ditanggung sehingga RM5,000.00 untuk mengangkut **Orang yang Diinsuranskan** kembali ke negara asalnya jika semasa dalam tempoh insurans atau dalam tempoh dua belas (12) bulan kemalangan atau sakit yang berlaku dalam tempoh insurans; **Orang yang Diinsuranskan** mati atau mengalami kehilanganupayaan kekal secara menyeluruh.

MANFAAT 5 – KERUGIAN LEVI AKIBAT DARI KEHILANGAN PEKERJA (MANFAAT PILIHAN)

Tertakluk kepada premium tambahan yang dibayar dan pelanjutan yang disahkan ke atas Polisi, kami akan membayar balik kepada Majikan yang dinamakan dalam jadual Polisi untuk kerugian levi yang ditanggung, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** hilang atau melarikan diri dari kerja.

Kehilangan atau melarikan diri bermaksud ketiadaan dari kerja oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk tempoh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh Laporan Polis dibuat berkaitan dengan kehilangan atau tindakan melarikan diri **Orang yang Diinsuranskan**.

Amaan yang akan dibayar di bawah manfaat ini adalah atas dasar pembayaran balik dan dalam apa jua keadaan ianya tidak boleh melebihi jumlah yang diinsuranskan yang diberikan di bawah manfaat ini untuk setiap **Orang yang Diinsuranskan** tertakluk kepada jumlah levi yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen, yang mana yang lebih rendah. Asas pembayaran balik bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** akan dikurangkan sebanyak satu per dua belas (1/12) bagi setiap bulan dari tarikh permulaan polisi, iaitu tarikh pengeluaran Permit oleh Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga bulan kehilangan atau melarikan diri.

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



Manfaat yang diberikan tidak akan dibayar untuk tuntutan yang berlaku pada bulan ke-13 atau untuk perlindungan insurans yang diambil 30 hari selepas ketibaan **Orang yang Diinsuranskan** ke Malaysia atau dari tarikh pengeluaran Permit oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada **Orang yang Diinsuranskan**.

Perlindungan insurans tidak akan diberikan di bawah manfaat ini untuk:

- (i) kehilangan atau tindakan melarikan diri oleh **Orang yang Diinsuranskan**, secara langsung atau tidak langsung timbul daripada sebarang layanan diskriminasi atau layanan buruk oleh Majikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**;
- (ii) kehilangan atau tindakan melarikan diri oleh **Orang yang Diinsuranskan**, untuk melaksanakan kerja atau tugas yang tidak mengikut kontrak pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan**.

PENGECUALIAN YANG DIGUNAPAKAI DALAM KESELURUHAN POLISI

Syarikat tidak akan menanggung rugi **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** terhadap:

1. sebarang tindakan untuk mendapatkan pampasan yang dibawa ke Mahkamah di mana-mana wilayah di luar Malaysia.
2. kerugian, kerosakan, atau kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh atau berlaku dalam atau akibat daripada:
 - a) pencerobohan perang oleh permusuhan musuh asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) perang saudara pemberontakan revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa.
 - b) sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang digerakkan ke arah penggulingan oleh kuasa mana-mana Kerajaan de jure atau de facto atau untuk mempengaruhinya melalui keganasan atau kekejaman.
3. kerugian, kerosakan, kecederaan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, timbul daripada, akibat daripada atau disumbangkan oleh:
 - a) sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear yang terbentuk daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan manfaat ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang berlaku dengan sendiri.
 - b) bahan senjata nuklear.

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



4. sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau pendedahan yang disengajakan terhadap bahaya, (selain daripada cubaan menyelamatkan nyawa manusia), bunuh diri atau cubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan.
5. kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan, penyakit venereal, tidak siuman atau AIDS.
6. kehamilan atau melahirkan anak, keguguran atau pengguguran.
7. mendaki batu, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu arah), sukan terjun udara, sukan payung terjun, polo, lumba kuda berhalang, berburu selain daripada berjalan kaki, apa-apa jenis perlumbaan selain daripada berjalan kaki.
8. membuat penerbangan sebagai anak kapal atau di dalam mana-mana pesawat udara untuk tujuan apa-apa operasi perdagangan atau teknikal dalam dokumen ini atau padanya atau dalam penerbangan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam mana-mana pesawat udara pacuan kuasa yang diperakui atau dilesenkan sewajarnya yang dibina untuk membawa penumpang.
9. menunggang motosikal, skuter, basikal berenjin atau basikal bantuan mekanikal (sama ada sebagai pemandu atau penumpang) untuk sukan, pameran, pertandingan atau perlumbaan.
10. kerja-kerja yang dijalankan berhubung dengan pekerjaan **Orang yang Diinsuranskan** dengan Pihak Diinsuranskan.

PERUNTUKAN

1. Kecuali jika dipersetujui dan disahkan sebaliknya Pampasan boleh dibayar berkenaan dengan Kematian dan Kehilangupayaan yang berlaku sementara beberapa Orang yang Diinsuranskan mengikut pengetahuan Pihak Yang Diinsuranskan yang melakukan perjalanan dalam pengangkutan yang sama akan dihadkan kepada jumlah maksimum sebanyak RM3,500,000.00. Sekiranya agregat melebihi jumlah tersebut, Syarikat akan menyelesaikan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut pembahagian yang seimbang.
2. Pampasan hanya akan dibayar apabila Syarikat berpuas hati dengan bukti tuntutan yang dikemukakan.

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



SYARAT-SYARAT YANG DIGUNAPAKAI DALAM KESELURUHAN POLISI

1. Tafsiran

Polisi ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang maksud khususnya dilampirkan dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual hendaklah mempunyai maksud tersebut di mana-mana sahaja ia digunakan.

2. Pematuhan

Liabiliti Syarikat tertakluk kepada pematuhan **Pemegang Polisi** dan **Orang yang Diinsuranskan** terhadap Terma Polisi ini.

3. Langkah Berjaga-Jaga

Pemegang Polisi dan **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan dan perlu mematuhi semua kewajipan statutori yang berkaitan dengan pekerjaan tersebut.

4. Pindaan

Polisi ini tidak akan dipinda mengikut apa-apa cara melainkan dengan kelulusan bertulis daripada **Kami** dan dibuktikan dengan pengesahan.

5. Membatalkan Polisi

(a) Pembatalan oleh **Pemegang Polisi**

Sekiranya **Pemegang Polisi** memberi notis kepada Syarikat untuk menamatkan Polisi ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh Syarikat atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh pembatalan Polisi ini, kadar jangka pendek Syarikat akan dikenakan sekiranya tiada tuntutan dibuat ketika Tempoh Insurans semasa.

(b) Pembatalan oleh Syarikat

Sekiranya berlaku pembatalan oleh Syarikat, skala kadar premium jangka pendek berikut akan dikenakan:

Peratusan Premium Tahunan Tempoh Diinsuranskan akan dikenakan seperti berikut:

- 2 Bulan (Minimum) 40%
- 3 Bulan 50%
- 4 Bulan 60%
- 5 Bulan 70%
- 6 Bulan 75%
- Melebihi 6 Bulan 100%

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** di alamat terakhirnya yang diketahui. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa tujuh (7) hari selepas dari tarikh penerimaan notis tersebut oleh **Pemegang Polisi**. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh pembatalan Polisi ini, premium pro-rata akan dikembalikan kepada **Pemegang Polisi** dengan syarat tiada tuntutan dibuat ketika Tempoh Insurans semasa.

(c) Pembatalan secara Automatik

- (i) Apabila berlaku penamatan kontrak pekerjaan antara **Pemegang Polisi** dan **Orang yang Diinsuranskan** seperti yang dinamakan dalam Jadual, ATAU
- (ii) Apabila tamat visa dan atau permit kerja; ATAU
- (iii) Apabila **Orang yang Diinsuranskan** mencapai umur 65 tahun

6. Membuat Tuntutan

Sekiranya berlaku tuntutan:

- (a) **Pihak yang Menuntut** hendaklah memberitahu **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari semasa Kemalangan, melengkapkan borang tuntutan **Kami** dan atas perbelanjaannya sendiri, memberi **Kami** semua maklumat, sijil perubatan dan lain-lain serta bukti keterangan yang **Kami** perlukan sewajarnya untuk menilai tuntutan.

Kegagalan untuk memaklumkan kepada **Kami** dalam tempoh masa di atas tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya **Pihak yang Menuntut** dapat memberi penjelasan kepada **Kami** bahawa ianya tidak sewajarnya mungkin untuk memberikan notis sedemikian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

7. Kadar Pertukaran Mata Wang

Semua manfaat di bawah Polisi ini akan dibayar dalam Ringgit Malaysia. Bil-bil perubatan yang ditanggung dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari **Hospital**.

8. Undang-undang yang digunapakai

Polisi ini ditadbir oleh dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

9. Pemberitahuan Pelaksanaan Cukai Perkhidmatan berkuat kuasa 1 September 2018

Adalah dimaklumkan bahawa 6% Cukai Perkhidmatan akan dikenakan untuk semua polisi insurans am dengan tempoh insurans bermula pada atau selepas 1 September 2018 atau polisi yang berlanjutan sepanjang 1 September 2018 (kadar pro-rata).

Anda diwajibkan untuk membayar semua cukai yang dikenakan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia berhubung dengan Polisi ini.

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)

Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur

T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2



10. Batasan Penalti dan Klausula Pengecualian (SANC)

Atas pertimbangan mutlak **Syarikat**, **Syarikat** tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan tidak akan menerima apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini; atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa jumlah wang (termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran tuntutan, bayaran balik premium, pembayaran penyerahan atau pembatalan); atau memberi apa-apa manfaat di bawah Polisi ini; setakat mana peruntukan perlindungan itu, pembayaran apa-apa jumlah atau peruntukan manfaat yang sedemikian akan mendedahkan **Syarikat** kepada apa-apa penalti, larangan atau sekatan di bawah mana-mana undang-undang dan / atau peraturan, ditadbir oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawalseliaan atau kompeten, atau mana-mana penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara.

NOTIS

Sekiranya terdapat konflik atau kekaburan mengenai makna dalam peruntukan Bahasa Malaysia di mana-mana bahagian Kontrak bagi semua maksud dan tujuan, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris Kontrak ini akan diguna pakai.

Polisi dan syarat-syarat ini perlu disemak dan sekiranya terdapat kesalahan, ianya perlu dikembalikan sekaligus untuk pindaan.



NOTIS PENTING

Segala usaha akan dilakukan oleh syarikat kami untuk memenuhi kewajipan kami di bawah Polisi ini. Sekiranya anda tidak gembira atau tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kami atau mempunyai sebarang aduan, anda boleh menghubungi atau menulis kepada kami di:-

Tune Insurance Malaysia Berhad

Unit Aduan
Tingkat 9, Wisma Tune
No. 19, Lorong Dungun Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel: 1800 88 5753
Fax: 603-2094 1366
Laman Web: www.tuneprotect.com
Emel: hello.my@tuneprotect.com

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan tindak balas keputusan Syarikat kami, anda boleh mengemukakan aduan anda sama ada kepada Ombudsman for Financial Services (OFS) atau kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Berikut adalah butiran untuk OFS dan BNM:

Ombudsman for Financial Services (OFS)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman Web: www.ofs.org.my

ATAU

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Pengarah

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No.: 197601004719 (30686-K)
Level 9, Wisma Tune, No 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur
T 1800 88 5753 F +603 2094 1366 W tuneprotect.com

030719V2